



LAPORAN SUKUAN-1

20 25



YAYASAN ISLAM
DARUL EHSAN

YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN



ISI KANDUNGAN

1.0	KOMPLEKS ASRAMA ANAK YATIM PULAU INDAH	1	4.0	LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS	34
	1.1 Pengenalan	2		4.1 Pengenalan	35
	1.2 Perincian Kos Pembangunan	3		4.2 Cawangan Dialisis MAIS	36
	1.3 Ringkasan Kemajuan Projek	4		4.3 Statistik Pesakit Dialisis	37
	1.4 Progres Pembinaan Kompleks	5		4.4 Lawatan Pakar Nefrologi & Doktor Perubatan	38
2.0	LAPORAN BAHAGIAN KEBAJIKAN	8		4.5 Aktiviti Umum	39
	2.1 Anak Yatim	8	5.0	LAPORAN BAHAGIAN AUDIT DALAMAN & RISIKO	40
	2.1.1 Statistik Anak Yatim YIDE	9		5.1 Program Awareness BADRI Bersama BNM, IIM dan AKPK	41
	2.1.2 Sumbangan Hari Raya Bersama D.Y.T.M Raja Muda Selangor	11		5.2 YIDE Perkukuh Integriti Bersama SPRM Selangor	41
	2.1.3 Aktiviti & Sumbangan Kepada Anak Yatim	15	6.0	AKTIVITI UMUM	42
	2.2 Bantuan Musibah	20		6.1 Taklimat Skim Perlindungan & Faedah PERKESO	43
	2.2.1 Statistik Penerima Manfaat	21		6.2 Riadah Boling KKY	43
	2.2.2 Penerima Sumbangan Musibah/Bencana	23	7.0	AKAUN SUMBANGAN YIDE	44
3.0	LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT	25			
	3.1 Siaran Langung YIDE Di TV3 & TV Al-Hijrah	26			
	3.2 Aktiviti Dakwah YIDE	28			
	3.3 Kasih Tuanku, Sinar Buat Anak Yatim	30			
	3.4 Lawatan Kerja ke Turki	31			
	3.5 Jalinan Strategik & Aktiviti Umum	32			
	3.6 Taklimat Kupon Infaq YIDE	33			

1.0


KOMPLEKS ASRAMA ANAK YATIM PULAU INDAH

1.1 Pengenalan

1.2 Perincian Kos Pembangunan

1.3 Ringkasan Kemajuan Projek

1.4 Progres Pembinaan Kompleks



1.1 PENGENALAN

DANA PEMBINAAN KOMPLEKS ASRAMA ANAK YATIM PULAU INDAH

Selain dari menitikberatkan pada kelangsungan dan kesejahteraan kebajikan anak-anak yatim individu, YIDE telah mengorak langkah untuk membangunkan dan menguruskan sebuah kompleks anak yatim sendiri sebagai Pusat Kecemerlangan Anak Yatim

Pada 19 Ogos 2019 yang lalu D.Y.T.M Raja Muda Selangor telah berkenan menyempurnakan cadangan Pembangunan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah dan melancarkan tabung wakaf khas bagi tujuan ini demi merealisasikan pembangunan kompleks ini agar dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Pembangunan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah ini dibangunkan di atas tanah yang diwakafkan oleh Central Spectrum (M) Sdn. Bhd. seluas 3.47 ekar dan sumbangan wakaf sebanyak RM5 juta.

Kompleks ini direncanakan untuk menampung 108 anak yatim lelaki pada satu-satu masa dan dijangka siap pada 29 Januari 2026. Kompleks ini juga dilengkapi dengan fasiliti blok asrama lelaki, dewan serbaguna, surau, arena kiosk dan taman permainan. Dikembangkan dengan konsep Islamik Kontemporari, kompleks ini diharapkan menjadi mercu ikonik di Negeri Selangor dengan kos pembangunan sejumlah RM 17 Juta, merangkumi kos pembangunan struktur prasarana, kos perabot serta kelengkapan interior.

Anggaran Kos Projek

RM17 Juta

Tarikh Jangkaan Siap:
29 Januari 2026



Dana
Diperolehi

RM11.3 Juta

Baki yang
diperlukan

RM5.7 Juta

Kemaskini sehingga 31 Mac 2025



1.2 PERINCIAN KOS PEMBANGUNAN

PERINCIAN KOS PEMBANGUNAN STRUKTUR FASILITI UTAMA



PERINCIAN KOS PEMBANGUNAN FASILITI SEKUNDER




1.3 RINGKASAN KEMAJUAN PROJEK

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Kos Pembangunan	RM 16,000,000.00
2.	Kos Perabot & Kelengkapan	RM 1,000,000.00
Jumlah Keseluruhan Kos Pembangunan		RM 17,000,000.00
Jumlah Kutipan Dana Semasa		RM 11,300,000.00
Jumlah Perbelanjaan Semasa (Perundingan + Kontraktor)		RM 4,400,000.00

Baki Dana yang diperlukan untuk KESELURUHAN KOS PEMBANGUNAN

RM 5,700,000.00



Kemaskini sehingga 31 Mac 2025

1.4 PROGRES PEMBINAAN KOMPLEKS ASRAMA ANAK YATIM PULAU INDAH

Setakat 31 MAC 2025

LOKASI KOMPLEKS ASRAMA ANAK YATIM PULAU INDAH



PT 161557, Persiaran Pulau Lumut
Taman Laguna Pulau Indah,
Klang Selangor Darul Ehsan

Setakat 31 Mac 2025, keseluruhan
progres fasiliti-fasiliti kompleks telah
mencapai sebanyak 67%.

DEWAN SERBAGUNA



Struktur lantai dan tiang telah dibina
mengikut perancangan jadual dimana
program-program rasmi akan
dilaksanakan kelak setelah fasiliti ini
siap dibina.



SURAU



Struktur asas lantai surau juga telah dibina dan mencapai peratusan progres sebanyak 68%.

Surau ini bakal menampung sehingga 200 orang jemaah pada satu-satu masa.



KIOSK

Fasiliti Kiosk akan tersedia sebanyak 4 unit dan progres pembangunan asas lantai, tiang-tiang dan asas pembinaan sokongan bagi bumbung sedang giat dijalankan.



BLOK ASRAMA

Blok asrama di Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah merupakan fasiliti utama yang direncanakan untuk menempatkan seramai 108 anak yatim lelaki. Blok asrama ini bakal dilengkapi sub-fasiliti lain seperti bilik kelas, makmal IT, bilik aktiviti, 'sick bay', dapur, pejabat pengurusan dan pondok pengawal.



PONDOK PENGAWAL



2.0

LAPORAN BAHAGIAN KEBAJIKAN

2.1 ANAK YATIM

2.1.1 Statistik Anak Yatim YIDE

2.1.2 Sumbangan Hari Raya Bersama

D.Y.T.M Raja Muda Selangor

2.1.3 Aktiviti & Sumbangan

Kepada Anak Yatim



2.1 ANAK YATIM


2.1.1 STATISTIK ANAK YATIM SELIAAN YIDE

JUMLAH KESELURUHAN

12,380


BILANGAN KELUARGA ANAK YATIM

6,941



Anak Yatim Lelaki

6,402



Anak Yatim Perempuan

5,978



Jumlah Rumah Kebajikan Anak Yatim Berdaftar

31

Kemaskini sehingga 31 Mac 2025

2.1 ANAK YATIM

2.1.1 STATISTIK ANAK YATIM SELIAAN YIDE



TASKA & TADIKA
(1 HARI - 6 TAHUN)

1,611 ORANG
ANAK YATIM

SEKOLAH RENDAH
(7 TAHUN - 12 TAHUN)

5,970 ORANG
ANAK YATIM



SEKOLAH MENENGAH
(13 TAHUN - 15 TAHUN)

4,799 ORANG
ANAK YATIM



Kemaskini sehingga 31 Mac 2025

2.1 ANAK YATIM

2.1.2 SUMBANGAN HARI RAYA BERSAMA D.Y.T.M RAJA MUDA SELANGOR

RUMAH ANAK YATIM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, TANJUNG KLING MELAKA



 31 ANAK YATIM

 NILAI SUMBANGAN:
RM9,300.00

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN HARI RAYA KEPADA ANAK-ANAK YATIM BERSAMA D.Y.T.M. RAJA MUDA SELANGOR DI RAYSAAS

ANJUNG KLING, 2 Mac 2025 – Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah, telah berkenan mencemar duli ke Majlis Penyerahan Sumbangan Hari Raya kepada anak-anak yatim Rumah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj (RAYSAAS). Majlis ini dianjurkan oleh Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) sebagai tanda keprihatinan terhadap kebajikan anak-anak yatim.

Dalam majlis ini, YIDE menyalurkan sumbangan tunai sebanyak RM9,300 telah diberikan kepada 31 anak yatim, selain 100kg beras dan set kain pelikat kepada 31 anak yatim yang dikurniakan oleh DYTM Raja Muda Selangor. Sumbangan ini bertujuan membantu persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri dan memberi kegembiraan kepada anak-anak yatim.

MASJID UBUDIAH, SEKSYEN 19, SHAH ALAM



 580 ANAK YATIM

 NILAI SUMBANGAN:
RM87,000.00

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN HARI RAYA KEPADA ANAK ANAK YATIM BERSAMA D.Y.T.M RAJA MUDA SELANGOR DI MASJID UBUDIAH, SEKSYEN 19, SHAH ALAM

Shah Alam, 8 Mac 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dengan penuh takzim menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia (D.Y.M.M.) Sultan Selangor mengenai kepentingan menjaga kebajikan anak-anak yatim di Negeri Selangor dan memastikan anak-anak yatim mendapat pendidikan serta keperluan asas yang sempurna, memastikan mereka memperoleh tempat tinggal yang selesa dan terjamin.

Di Daerah Petaling, seramai 2,413 anak yatim disantuni, termasuklah 1,272 anak yatim lelaki dan 1,141 anak yatim perempuan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM361,950.00. Majlis hari ini menyaksikan pemberian sumbangan Hari Raya kepada 580 anak yatim yang disempurnakan oleh D.Y.T.M. Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj secara bersemuka dengan jumlah peruntukan sebanyak RM87,000. Manakala bagi 1,833 anak yatim yang tidak dapat hadir, YIDE telah mengkreditkan sumbangan sebanyak RM274,950 terus ke akaun bank masing-masing bagi memastikan mereka tetap menerima bantuan yang diperuntukkan.

2.1 ANAK YATIM

2.1.2 SUMBANGAN HARI RAYA BERSAMA D.Y.T.M RAJA MUDA SELANGOR

MASJID KAMPUNG SEMENTA, KLANG



660 ANAK YATIM
NILAI SUMBANGAN:
RM99,000.00

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN HARI RAYA KEPADA ANAK ANAK YATIM BERSAMA D.Y.T.M RAJA MUDA SELANGOR DI MASJID KAMPUNG SEMENTA, KLANG.

KLANG, 9 Mac 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah mengadakan Majlis Sumbangan Hari Raya Kepada Anak-anak Yatim Di Negeri Selangor Bersama DYTM Raja Muda Selangor. Majlis yang berlangsung di Masjid Kampung Sementa, Klang ini merupakan kali ketiga diadakan pada tahun ini dan bertujuan menyantuni serta meringankan beban anak-anak yatim sempena sambutan Aidilfitri yang bakal menjelang.

Bagi sumbangan Hari Raya di daerah Klang, seramai 2,302 anak yatim telah disantuni, merangkumi 1,144 anak yatim lelaki dan 1,158 anak yatim perempuan. Jumlah peruntukan bagi sumbangan ini adalah sebanyak RM345,300.00. Pada majlis tersebut seramai 660 anak yatim menerima sumbangan secara bersemuka dengan jumlah peruntukan sebanyak RM99,000. Manakala bagi 1,642 anak yatim yang tidak dapat hadir, YIDE telah mengkreditkan sumbangan sebanyak RM246,300 terus ke akaun bank masing-masing bagi memastikan mereka tetap menerima bantuan yang diperuntukkan.

MASJID AL AZIM, PANDAN INDAH



634 ANAK YATIM
NILAI SUMBANGAN:
RM95,100.00

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN HARI RAYA KEPADA ANAK-ANAK YATIM DI DAERAH HULU LANGAT

Hulu Langat, 15 Mac 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) meneruskan komitmennya dalam menyantuni anak-anak yatim dengan menganjurkan Majlis Penyerahan Sumbangan Hari Raya Kepada Anak-Anak Yatim Bersama D.Y.T.M. Raja Muda Selangor di Daerah Hulu Langat. Majlis yang berlangsung di Masjid Al Azim, Pandan Indah ini merupakan majlis keempat yang dianjurkan bagi tahun 2025, merupakan usaha YIDE dalam membantu anak-anak yatim menyambut Aidilfitri.

Pada tahun ini, YIDE telah memperuntukkan sebanyak RM1.95 juta bagi menyantuni seramai 13,000 anak-anak yatim di seluruh Negeri Selangor. Bagi Daerah Hulu Langat, seramai 2,046 anak yatim menerima sumbangan, termasuk 1,050 anak yatim lelaki dan 986 anak yatim perempuan, dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM306,900.00.

Daripada jumlah ini, seramai 634 anak yatim menerima sumbangan Hari Raya secara bersemuka dengan jumlah peruntukan sebanyak RM95,100. Bagi memastikan semua anak-anak yatim mendapat manfaat daripada inisiatif ini, YIDE turut mengkreditkan sumbangan berjumlah RM211,800 terus ke akaun bank 1,412 anak yatim yang tidak dapat hadir ke majlis hari ini.

2.1 ANAK YATIM

2.1.2 SUMBANGAN HARI RAYA BERSAMA D.Y.T.M RAJA MUDA SELANGOR

MASJID TAMAN ALAM JAYA, PUNCAK ALAM, KUALA SELANGOR



525 ANAK YATIM
NILAI SUMBANGAN:
RM78,750.00

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN HARI RAYA KEPADA ANAK-ANAK YATIM DI DAERAH KUALA SELANGOR

PUNCAK ALAM, 16 MAC 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) meneruskan komitmen dalam menyantuni anak-anak yatim di Negeri Selangor dengan penganjuran Majlis Sumbangan Hari Raya yang kelima bagi tahun ini. Majlis penuh bermakna ini berlangsung di Masjid Taman Alam Jaya, Puncak Alam, Kuala Selangor.

Di daerah Kuala Selangor sahaja, seramai 1,102 anak yatim telah disantuni, melibatkan 567 anak yatim lelaki dan 535 anak yatim perempuan dengan jumlah sumbangan sebanyak RM165,300.00. Hari ini, seramai 525 anak yatim menerima sumbangan Hari Raya yang disampaikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM78,750.00. Manakala bagi 577 anak yatim yang tidak dapat hadir, YIDE telah mengkreditkan sumbangan berjumlah RM86,560 terus ke akaun bank masing-masing bagi memastikan mereka tetap menerima bantuan yang disediakan.

ASRAMA ANAK YATIM DAMAI, KUANG



60 ANAK YATIM
NILAI SUMBANGAN:
RM9,000.00

MAJLIS SUMBANGAN HARI RAYA ANAK YATIM BERSAMA D.Y.T.M RAJA MUDA SELANGOR DI ASRAMA ANAK YATIM DAMAI, KUANG.

22 Mac, Rawang - Alhamdulillah, hari ini menjadi detik penuh makna apabila Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) meneruskan komitmen menyantuni anak-anak yatim di Negeri Selangor. Dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1.95 juta, seramai 13,000 anak-anak yatim telah menerima sumbangan Aidilfitri bagi tahun ini.

Lokasi terakhir, Asrama Damai Kuang. 60 anak yatim menerima sumbangan istimewa daripada D.Y.T.M. Raja Muda Selangor

Sejarah kebajikan di Asrama Damai Kuang begitu panjang dan bermakna. Sejak penubuhannya pada tahun 1989, institusi ini terus menjadi rumah perlindungan dan pendidikan kepada anak-anak yatim. Keprihatinan pelbagai pihak, termasuk Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj pada tahun 2001, terus menyemarakkan semangat kebajikan ini.

2.1 ANAK YATIM


2.1.2 SUMBANGAN HARI RAYA BERSAMA D.Y.T.M RAJA MUDA SELANGOR



RM1,857,000.00

Diagihkan Oleh YIDE Kepada **12,380** Orang Anak Yatim

Pecahan Kategori Mengikut Jumlah Anak Yatim Setiap **Daerah** dan Peringkat **Umur**;



Taska & Tadika
1 Hari - 6 Tahun
1,611 Orang

Sekolah Rendah
7 Tahun - 12 Tahun
5,970 Orang

SEKOLAH MENENGAH
13 Tahun - 15 Tahun
4,799 Orang

2.1 ANAK YATIM

2.1.3 AKTIVITI & SUMBANGAN KEPADA ANAK YATIM

YIDE SEGERA TURUN UNTUK MEMBANTU KELUARGA MANGSA KEMALANGAN DI SEPANG

SEPANG, 2 Januari 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) segera turun untuk membantu keluarga mangsa kemalangan di Sepang.

Almarhum En. Azman bin Adnan terlibat dalam kemalangan apabila motosikal yang ditungganginya melanggar sebuah kenderaan yang diparkir di bahu jalan. Kejadian berlaku ketika beliau dalam perjalanan pulang selepas selesai urusan pekerjaan. Almarhum meninggal dunia di tempat kejadian akibat kecederaan parah di kepala dan badan.

Sumbangan musibah kemalangan disampaikan oleh Tuan Hj. Adnan bin Ali, Ketua Sahabat Prihatin YIDE Daerah Sepang kepada keluarga almarhum sebagai tanda sokongan dan keprihatinan.



YIDE TELAH MENZIARAHI DAN MEMBERIKAN SUMBANGAN KEPADA DUA ANAK YATIM PIATU YANG KEHILANGAN IBU BAPA MEREKA AKIBAT KEMALANGAN

BANGI, 3 Januari 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah meluangkan waktu untuk menziarahi dan memberikan sumbangan kepada dua anak yatim piatu yang kehilangan ibu bapa mereka dalam kemalangan tragis di Melaka pada minggu lalu.

Dalam kejadian tersebut, almarhum Khairul Ikhwan bin Mazupi, bersama isteri dan anak bongsunya yang berusia dua tahun, terkorban dalam kemalangan yang berlaku di Lebuhraya Utara-Selatan. Tragedi ini meninggalkan dua anak mereka, Muhammad Uwais Al-Qarni Khairul Ikhwan (7 tahun) dan Nur Sofea Humaira (4 tahun) sebagai yatim piatu. Kedua-dua anak tersebut kini berada di bawah jagaan datuk mereka, Datuk Mazupi Abdul Rahman, seorang bekas pegawai kanan Polis Diraja Malaysia.

Selain ibu dan bapa, kemalangan menyayat hati itu turut meragut nyawa datuk dan nenek sebelah ibu kanak-kanak tersebut, Ramli Ab Wahab, 66 tahun, dan Fauziah Jaafar, 69 tahun. Selain itu, pemandu bas persiaran, Noorisnien Khamid, 56 tahun, serta seorang penumpang warga Singapura, Lamrah Asid Ali, 66 tahun, turut terkorban dalam insiden tersebut.

YIDE TERUS KOMITED DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM KELAS RINTIS AL-QURAN DAN FARDU AIN UNTUK ANAK-ANAK YATIM

SHAH ALAM, 6 Januari 2024 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) terus komited dalam melaksanakan program Kelas Rintis al-Quran dan Fardhu Ain untuk anak-anak yatim di bawah kariah Masjid Ubudiyah, Seksyen 19, Shah Alam.

Program ini telah berlangsung selama enam bulan, bermula Julai 2025 hingga Disember 2025. Alhamdulillah, kelas ini menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dalam kemahiran bacaan al-Quran, termasuk penyebutan huruf dengan makhraj yang betul, bacaan dengan tajwid yang tepat, serta kelancaran bacaan. Dalam aspek Fardhu Ain pula, pendekatan ulangkaji teori digabungkan dengan latihan praktikal bersama guru bimbingan telah membantu meningkatkan kefahaman peserta. Selain itu, sesi ujian ringkas turut diadakan untuk menilai tahap penguasaan dan pemahaman para peserta.

Untuk tahun 2025, YIDE merancang untuk memperluaskan program ini kepada anak-anak yatim di daerah Petaling dan Klang. Semoga usaha ini dipermudahkan Allah SWT dan terus diberkati, sekaligus menyumbang kepada pembangunan pendidikan asas agama Islam dalam kalangan anak-anak yatim.



2.1 ANAK YATIM

2.1.3 AKTIVITI & SUMBANGAN KEPADA ANAK YATIM

ANAK YATIM KANSER TERIMA SUMBANGAN YIDE

HOSPITAL KUALA LUMPUR, 8 Januari 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) sentiasa prihatin terhadap kebajikan anak-anak yatim di Negeri Selangor. Sebagai tanda sokongan, YIDE telah menyampaikan sumbangan kepada keluarga Muhammad Harith Al Ameen bagi meringankan beban perbelanjaan harian dan kos rawatan perubatan di hospital.

Puan Ayu Yusnita, ibu kepada Muhammad Harith Al Ameen, remaja berusia 15 tahun, berkongsi kisah bagaimana anaknya mula mengalami kesakitan pada bahagian tulang pinggul. Setelah menjalani pemeriksaan lanjut di hospital, pakar mengesahkan bahawa Harith menghidap kanser tulang pinggul. Proses pembedahan telah dijalankan, dan kini Harith berada dalam keadaan stabil serta menunjukkan tanda-tanda pemulihan.



YIDE LAKSANA PEMUKIMAN PENDAFTARAN ANAK ANAK YATIM NEGERI SELANGOR

Kuala Selangor, 13 Januari - YIDE telah melaksanakan Pemukiman Pendaftaran Anak Yatim Negeri Selangor di Masjid Raja Lumu, Bukit Melawati Kuala Selangor. Program dilaksanakan adalah bertujuan mendaftarkan anak yatim bagi melayakkan penerimaan sumbangan hari raya aidilfitri untuk tahun 2025 bersamaan 1446H.

Taklimat khas berkenaan pendaftaran anak anak yatim telah disampaikan oleh Pengurus Operasi Bahagian Kebajikan YIDE, En Muhammad Zubair Azizan.

Setiap pemohon perlu mengisi maklumat Anak Yatim dan perlu mencetak borang yang lengkap di isi tersebut kemudian lampirkan borang yang telah dicetak beserta dokumen salinan kad pengenalan Ibu/Penjaga, Sijil Kelahiran Anak Yatim, Sijil Kematian Bapa Kandung & Slip Akaun Bank untuk pengesahan Nazir Masjid

YIDE MENGADAKAN LAWATAN KERJA DAN PERBINCANGAN PENGURUSAN PENDIDIKAN ANAK YATIM ASNAF NEGERI SELANGOR KE BAIT AL HASANAH

13 Januari 2025, Klang - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah mengadakan kunjungan hormat dan lawatan kerja ke Bait Al Hasanah, Klang bagi mengadakan taklimat dan perbincangan mengenai Pengurusan Rumah Kebajikan Anak-anak Yatim. Perbincangan ini juga meliputi pembangunan model pengurusan dan modul penjagaan kebajikan serta pembangunan pendidikan untuk anak-anak yatim dan asnaf.

Sesi perkongsian ini diadakan sebagai penanda aras bagi Pengurusan Operasi Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah yang dijangka siap kelak.



2.1 ANAK YATIM

2.1.3 AKTIVITI & SUMBANGAN KEPADA ANAK YATIM

YIDE & JKM RAI TOKOH PELAJAR AKADEMIK DAN SAHSIAH DALAM MAJLIS APRESIASI

Sungai Buloh, 18 Januari 2024 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Selangor telah meraikan Tokoh Akademik, Sahsiah & Bakat dalam Majlis Apresiasi yang dianjurkan oleh Rumah Kasih Harmoni, Paya Jaras. Majlis telah dirasmikan oleh Tuan Azmir bin Kassim selaku Pengarah JKM Selangor yang turut menyampaikan anugerah Tokoh Sahsiah dan Bakat. YIDE diwakili oleh En Muhammad Zubair selaku Pengurus Operasi Kebajikan turut sama menyampaikan Anugerah Tokoh Akademik kepada dua (2) adik beradik yatim piatu iaitu adik Atiqah dan adik Annemen diatas kecemerlangan mereka.

Seawal umur 5 tahun, adik Atiqah di ditempatkan di Rumah Kasih Harmoni (RKH). RKH telah mengambil tanggungjawab menjaga dan membina masa depan beliau walaupun diawal hak penjagaan, beliau tidak mempunyai dokumen diri yang lengkap namun kini telah diselesaikan. Hasil daripada perhatian dan tanggungjawab yang digalas oleh RKH, adik Atiqah telah berjaya menghafal 30 juzuk al-Quran dan memperolehi 5A dalam ujian percubaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) baru-baru ini.



RUMAH KEBAJIKAN ANAK YATIM SELIAAN YIDE TERIMA WANG SAKU PELAJAR MENERUSI PROGRAM FIDYAH MAIS

Bangi, 28 Januari 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah agihkan sumbangan fidyah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berjumlah RM 298,200.00 kepada semua penghuni di 32 Rumah Anak Yatim (RAY) yang berdaftar dibawah YIDE.

Antara penerima sumbangan fidyah tersebut adalah Rumah Bakti al-Kausar berjumlah RM 8,700.00 dan Rumah Amal Rukaiyah berjumlah RM 12,000.00. Sumbangan tersebut amat bermakna kerana ia dapat mengurangkan perbelanjaan wang saku persekolahan penghuni rumah kebajikan disamping memenuhi perbelanjaan harian anak-anak di sekolah.

YIDE MENYANTUNI SERTA MENYAMPAIKAN SUMBANGAN KEPERLUAN PERSEKOLAHAN BAGI SESI 2025 KEPADA ANAK-ANAK YATIM DI PUCHONG DAN HULU LANGAT.

Khamis, 6 Februari 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menyantuni serta menyampaikan sumbangan keperluan persekolahan bagi sesi 2025 kepada anak-anak yatim di Puchong dan Hulu Langat.

Puan Rohana dan Puan Nur Syazwana, selaku penjaga anak-anak yatim, meluahkan rasa sebak dan syukur atas bantuan yang diterima. Dalam keadaan ekonomi yang mencabar, mereka menghadapi kekangan kewangan untuk menyediakan kelengkapan persekolahan bagi anak-anak. Kehadiran bantuan ini amat bermakna, meringankan beban serta memastikan anak-anak dapat memulakan sesi persekolahan dengan lebih ceria.



2.1 ANAK YATIM

2.1.3 AKTIVITI & SUMBANGAN KEPADA ANAK YATIM

ZIARAH PRIHATIN : YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) SANTUNI & SERAH SUMBANGAN PERSEKOLAHAN KEPADA ANAK YATIM

TANJUNG KARANG, 13 Februari 2025 - Dalam usaha membawa sinar kebahagiaan kepada anak-anak yatim, Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah mengadakan kunjungan kasih ke kediaman dua beradik yatim, Siti Chaharah dan Siti Aisyah di Tanjung Karang, Selangor. Kunjungan ini bukan sekadar ziarah, tetapi juga bertujuan menyampaikan sumbangan tunai bagi membantu persiapan persekolahan mereka bagi tahun 2025.

En. Ridzuan Ahmed selaku abang kepada arwah ayah anak yatim dua beradik tersebut meluahkan rasa syukur dan terharu atas bantuan yang diberikan. Sejak pemergian bapa kandung mereka, beliau memikul tanggungjawab membesarkan kedua-dua anak yatim ini dan sumbangan yang diterima amat bermakna dalam meringankan beban kewangan terutama bagi kelengkapan dan yuran persekolahan.



YIDE ANJUR TAKLIMAT PENGURUSAN ANAK YATIM NEGERI SELANGOR KEPADA RUMAH KEBAJIKAN ANAK YATIM PERSENDIRIAN

Shah Alam, 18 Februari 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah mengadakan sesi taklimat mengenai pengurusan anak yatim serta pendaftaran pusat jagaan rumah kebajikan anak yatim di negeri Selangor yang belum berdaftar di bawah YIDE.

Taklimat ini bertujuan menggalakkan lebih banyak Pusat Jagaan dan Rumah Kebajikan Anak Yatim di Negeri Selangor untuk berdaftar di bawah kelolaan YIDE dan secara tidak langsung menerima manfaat dan kemudahan, sejajar dengan 32 Rumah Kebajikan Anak Yatim yang telah berdaftar sebelum ini.

Sepanjang sesi taklimat, pelbagai perbincangan dan pertukaran pandangan telah berlangsung, khususnya berkaitan status serta program pembangunan anak-anak yatim. Kerjasama dua hala antara pelbagai pihak yang terlibat dalam kebajikan anak-anak yatim di Negeri Selangor diharapkan dapat membawa manfaat besar serta menjamin masa depan yang lebih cerah bagi mereka.

PERBINCANGAN KERJASAMA ANTARA YIDE DAN PAKAR PENYELIDIK UKM DALAM MENJALANKAN PENYELIDIKAN KESEJAHTERAAN AKADEMIK ANAK-ANAK YATIM

Shah Alam, 19 Februari 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menerima kunjungan pakar penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi membincangkan kajian mengenai kesejahteraan akademik anak-anak yatim di Negeri Selangor.

Kajian ini bertujuan untuk menangani isu kesukaran pembelajaran yang sering kali tidak dikesan di kalangan kanak-kanak yang tinggal di rumah kebajikan, yang secara langsung memberi kesan kepada kesejahteraan akademik mereka dan meningkatkan risiko masalah sosial. Terdapat sejumlah besar kanak-kanak di rumah kebajikan yang memerlukan perhatian serta sokongan akademik tambahan, namun sering kali mereka tidak menerima akses yang mencukupi untuk mengatasi cabaran ini.

Masalah yang dihadapi oleh mereka adalah unik dan berbeza berbanding dengan pelajar biasa. Oleh itu, kajian ini akan memberi tumpuan kepada analisis keperluan kesejahteraan akademik anak-anak yatim, pembangunan instrumen saringan untuk mengesan masalah kesukaran pembelajaran, serta merancang intervensi yang berkesan bagi meningkatkan peluang mereka untuk menerima pendidikan yang lebih saksama.



2.1 ANAK YATIM

2.1.3 AKTIVITI & SUMBANGAN KEPADA ANAK YATIM

SUMBANGAN *BACK TO SCHOOL* KEPADA ANAK YATIM OLEH YIDE DI KARIAH MASJID KAMPUNG SEMENTA, KLANG

KLANG, 23 Februari 2025 - YIDE telah menyumbang wang tunai sebanyak RM 10,650.00 bagi program Back to School untuk diserahkan kepada 71 orang anak yatim dibawah kariah Masjid Kg. Sementa Klang bersempena Program Ambang Ramadhan Masjid Kg. Sementa Klang pada hari Jumaat dan Sabtu, 21 dan 22 Februari 2025

Sumbangan ini telah disampaikan oleh Encik Muhammad Zubair bin Azizan, Pengurus Operasi Kebajikan YIDE.



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) ANJUR PROGRAM KHATAM AL-QURAN DAN BERBUKA PUASA BERSAMA ANAK YATIM

Pulau Indah, 26 Mac 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menganjurkan Program Khatam Al-Quran & Berbuka Puasa bersama Anak Yatim. Program dilaksanakan bertujuan menyemarakkan semangat Ramadhan secara tidak langsung mengeratkan silaturahim di antara kaitangan YIDE dengan keluarga anak yatim.

Selepas program khatam Al-Quran selesai dilaksanakan, YIDE telah menyerahkan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada anak-anak yatim yang hadir bagi persediaan Syawal yang akan tiba.

Serahan duit raya telah disampaikan oleh Pengurus Besar YIDE, YBr. Tuan Nur Mohd Razali Abdullah, Pengurus Bahagian Kewangan, YBr. Puan Fatimah Leman dan Pengurus Operasi Dialisis, Puan Nor Hafzam Mohammad.

LAWATAN TAPAK KOMPLEKS ASRAMA ANAK YATIM PULAU INDAH BERSAMA WARGA KERJA YIDE

26 Mac 2025 | Pulau Indah - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah mengadakan lawatan tapak ke Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah bagi meninjau perkembangan projek pembinaan yang sedang berlangsung.

Lawatan ini diketuai oleh YBr. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE dan telah disertai oleh seluruh warga kerja ibu pejabat YIDE

Taklimat pembangunan dan perkembangan projek disampaikan oleh wakil daripada pihak Zone Pave Builder Sdn Bhd. Melalui pemakluman daripada pihak Zone Pave Builder, progres pembangunan kompleks ini menghampiri 65%



2.0

LAPORAN BAHAGIAN KEBAJIKAN

2.2 BANTUAN MUSIBAH

2.2.1 Statistik Penerima Manfaat

2.2.2 Penerima Sumbangan Musibah/Bencana



2.2 BANTUAN MUSIBAH

2.2.1 STATISTIK PENERIMA MANFAAT


KELUARGA

BILANGAN KELUARGA TELAH MENERIMA BANTUAN DARI YIDE

RM13,500

JUMLAH SUMBANGAN TELAH DIAGIHKAN

KEKERAPAN BANTUAN MENGIKUT DAERAH



Kemaskini sehingga 31 Mac 2025


2.2 BANTUAN MUSIBAH

2.2.1 STATISTIK PENERIMA MANFAAT



KEBAKARAN

KEKERAPAN BANTUAN : 4
BILANGAN KELUARGA : 4



BANJIR

KEKERAPAN BANTUAN : -
BILANGAN KELUARGA : -




RIBUT

KEKERAPAN BANTUAN : 5
BILANGAN KELUARGA : 33



KEMALANGAN

KEKERAPAN BANTUAN : 5
BILANGAN KELUARGA : 5



TANAH RUNTUH

KEKERAPAN BANTUAN : -
BILANGAN KELUARGA : -

2.2 BANTUAN MUSIBAH

2.2.2 PENERIMA SUMBANGAN MUSIBAH/BENCANA



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) SEGERA MENYANTUNI MANGSA RIBUT DI SEKINCHAN, SELANGOR

SEKINCHAN, 6 Mac - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) segera menyantuni dan menyampaikan sumbangan kepada keluarga yang ditimpa musibah angin ribut.

Kejadian angin ribut telah menyebabkan berlaku puting beliung yang menyebabkan beberapa rumah serta sebuah sekolah mengalami kerosakan pada bahagian atap dan barangan rumah. Kejadian jam 7.00 pagi selepas hujan lebat tersebut menggusarkan mangsa dan keadaan mula menjadi reda serta beransur pulih selepas itu.

Dilaporkan tiada penduduk yang cedera akibat kejadian tersebut.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh En Muhammad Zubair selaku Pengurus Operasi Kebajikan YIDE dan En Haizan selaku Eskektif Kebajikan YIDE kepada mangsa-mangsa yang terlibat.



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) SEGERA MENYANTUNI MANGSA RIBUT DI KAMPUNG TELUK PANGLIMA GARANG

TELUK PANGLIMA GARANG, 7 Mac 2025 - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) segera menyantuni dan menyampaikan sumbangan kepada mangsa ribut di Kampung Teluk Panglima Garang.

Mangsa ribut tersebut adalah keluarga Puan Norashafiza binti Nordin yang tinggal di Jalan Sukapi, Kg Jenjarom. Menurutnya, pada hari Isnin yang lalu kawasan Kampung Jenjarom ditimpa angin ribut dan hujan lebat. Keadaan tersebut menyebabkan beberapa keping atap zink rumahnya terbang dan tercabut malah beberapa bahagian dapur rumahnya turut rosak. Walaubagaimanapun, semua ahli keluarganya berada dalam keadaan yang baik tanpa sebarang kecederaan.



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) PRIHATIN TERHADAP KEBAJIKAN KELUARGA MANGSA MUSIBAH KEMATIAN

Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) bersama Bahagian Dakwah, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengunjungi dan menziarahi ahli keluarga mangsa kematian di Jenjarom, Kuala Langat.

Almarhum Encik Mohd Afham bin Mustafa merupakan bapa kepada tiga orang anak yang masih bersekolah di peringkat sekolah rendah. Beliau telah meninggal dunia akibat pendarahan di kepala selepas terjatuh semasa menjalankan urusan harian. Lebih menyayat hati, pemergian beliau berlaku pada hari ketiga Ramadan, menyebabkan anak-anaknya menjadi yatim piatu kerana ibu mereka telah meninggal dunia sejak setahun yang lalu. Kini, anak-anak tersebut berada di bawah jagaan nenek dan saudara-mara.

Sumbangan musibah disampaikan oleh Encik Mohammad Haizan bin Mohd Rozi, Eksekutif Kebajikan YIDE disaksikan Puan Nadhirah Hasiman Pegawai Bahagian Dakwah JAIS kepada anak almarhum, Dhia Hayfa Alisha.



2.2 BANTUAN MUSIBAH

2.2.2 PENERIMA SUMBANGAN MUSIBAH/BENCANA



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) PEKA DAN MENGHULURKAN BANTUAN KEPADA MANGSA MUSIBAH ANGIN RIBUT DI SEKINCHAN

Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dengan kerjasama Pejabat Daerah Sabak Bernam serta Sahabat Prihatin YIDE Daerah Sabak Bernam bertindak pantas dalam menghulurkan bantuan kepada mangsa kejadian angin ribut di Sekinchan. Sebanyak 28 keluarga yang terjejas menerima sumbangan berupa pek prihatin YIDE bagi meringankan beban mereka yang terkesan akibat musibah ini.



Kejadian angin ribut tersebut mengakibatkan kerosakan teruk pada bahagian bumbung dan struktur rumah mangsa, termasuk perabot serta barangan keperluan harian. Lima daripada 20 keluarga terpaksa ditempatkan di Pusat Penempatan Sementara (PPS) berikutan tahap kerosakan yang terlalu kritikal sehingga kediaman mereka tidak lagi selamat untuk didiami. Namun begitu, tiada kemalangan jiwa dilaporkan, dan semua mangsa berjaya menyelamatkan diri sebelum keadaan menjadi lebih buruk.

YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) AMBIL PEDULI TERHADAP MANGSA KEBAKARAN DI KAMPUNG PAYA JARAS HILIR

Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) mengambil peduli terhadap keadaan dua buah keluarga yang ditimpa musibah kebakaran di Kampung Paya Jaras Hilir, Sungai Buloh, Selangor.

Menurut Ruslan Affendi bin Rapaidi, kejadian kebakaran tersebut berpunca daripada masalah litar pintas. Api mula marak dari bahagian dapur hingga ke ruang tamu, menyebabkan kebakaran keseluruhan yang memusnahkan semua barangan di dalam rumah. Keadaan menjadi lebih buruk apabila kebakaran tersebut turut memusnahkan rumah jiran secara keseluruhan, yang ketika itu sedang dalam proses penambahbaikan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri. Walau bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dilaporkan meskipun semua barangan musnah.



YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) AMBIL PEDULI KEBAJIKAN KELUARGA YANG DITIMPA MUSIBAH KEMATIAN

BATANG KALI, 27 Mac 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) terus menunjukkan keprihatinannya terhadap kebajikan masyarakat dengan menziarahi serta menghulurkan sumbangan kepada sebuah keluarga yang diuji dengan musibah kehilangan insan tersayang di Ulu Yam, Batang Kali, Selangor.

Dalam kejadian yang menyayat hati, Allahyarham En. Mohd Razlan bin Yusof diserang strok secara mengejut ketika sedang bekerja. Beliau segera dikejarkan ke hospital dengan ambulans, namun pakar mengesahkan bahawa Allahyarham telah meninggal dunia. Pemergiannya meninggalkan seorang isteri dan empat orang anak yang masih bersekolah di peringkat menengah.

Sumbangan musibah kematian disampaikan oleh Ust. Muhammad Firdaus bin Ismail, Ketua Sahabat Prihatin YIDE Zon 3 Hulu Selangor kepada waris keluarga. Bantuan ini diharapkan dapat meringankan beban mereka dalam menghadapi tempoh sukar ini.

3.0

LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT

3.1 YIDE Di TV3 & TV Al-Hijrah

3.2 Aktiviti Dakwah YIDE

3.3 Kasih Tuanku, Sinar Buat

Anak Yatim

3.4 Lawatan Kerja ke Turki

3.5 Jalinan Strategik & Aktiviti Umum

3.6 Taklimat Kupon Infaq YIDE



3.0 LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT

3.1 SIARAN LANGSUNG YIDE DI TV3 & TV AL-HIJRAH



PANEL-PANEL SAHABAT DAKWAH YIDE DAN SAHABAT MOTIVASI YIDE

DATO DR MOHD FADZILAH KHAMSAH | PU HAFIZ HANEEFA | IMAM MUDA HASSAN ADLI YAHYA | USTAZAH DR. FATIMAH SYARHA



Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) melangkah ke hadapan dalam memperluas dakwah dan advokasi kebajikan menerusi siaran langsung di TV3 dan TV AlHijrah, hasil kerjasama strategik bersama Al Bayan Global. Turut menjayakan inisiatif ini adalah barisan panel terkemuka merangkap Sahabat Dakwah dan Sahabat Motivasi YIDE seperti Dato’ Dr. Mohd Fadzilah Kamsah, PU Hafiz Haneefa, Imam Muda Hassan Adli Yahya, dan Ustazah Dr. Fatimah Syarha. Usaha ini bukan sahaja menyampaikan pengisian ilmu yang bermanfaat, malah memperkenalkan peranan YIDE dalam memperjuangkan kebajikan anak yatim serta golongan memerlukan di Selangor, terutama dalam usaha membangunkan Kompleks Anak Yatim YIDE di Pulau Indah.

Sot siaran langsung yang telah dijalankan sepanjang Januari hingga Mac 2025 adalah:

TARIKH	PANEL	TAJUK	PLATFORM
4/1/25	Dr. Fatimah Syarha	Memberi Tanpa Harap Balasan	Assalamualaikum Subuh TV Al-Hijrah
5/1/25	Imam Muda Hasan	Saudagar Niat	Tanyalah Ustaz TV3 dan TV9
7/1/25	Dr. Fatimah Syarha	Syurga Bersama Rasulullah	Assalamualaikum Dhuha TV Al-Hijrah
11/1/25	Dr. Fatimah Syarha	Harta Yang Bermakna	Assalamualaikum Subuh TV Al-Hijrah
12/1/25	Imam Muda Hasan	Martabat Ihsan	Tanyalah Ustaz TV3 dan TV9
14/1/25	Dr. Fadzilah Kamsah	Ucapan Ibarat Doa	Assalamualaikum Subuh TV Al-Hijrah.
19/1/25	Imam Muda Hasan	Pelaburan Abadi	Tanyalah Ustaz TV3 dan TV9

TARIKH	PANEL	TAJUK	PLATFORM
21/1/25	Imam Muda Hasan	Labur Jangan Lebur	Assalamualaikum Dhuha TV Al-Hijrah
25/1/25	Imam Muda Hasan	Muamalat Yang Diredhai	Assalamualaikum Subuh TV Al-Hijrah
26/1/25	Imam Muda Hasan	Ibrah Israk Mikraj	Tanyalah Ustaz TV3 dan TV9
28/1/25	Imam Muda Hasan	Kasih Tanpa Beza	Assalamualaikum Dhuha TV Al-Hijrah
1/2/25	Dr. Fatimah Syarha	Waspada Over-Claimed Jualan	Assalamualaikum Subuh TV Al-Hijrah
2/2/25	Imam Muda Hasan	Kemuliaan Syaaban	Tanyalah Ustaz TV3 dan TV9
4/2/25	Dr. Fadzilah Kamsah	Urus, Jangan Siakan	Assalamualaikum Dhuha TV Al-Hijrah
9/2/25	Imam Muda Hasan	Dirahsiakan Empat Perkara	Tanyalah Ustaz TV3 dan TV9
11/2/25	Dr. Fadzilah Kamsah	Anak Yatim Permata Terpendam	Assalamualaikum Dhuha TV Al-Hijrah
15/2/25	Imam Muda Hasan	Rahsia Keberkatan Hidup	Assalamualaikum Subuh TV Al-Hijrah
16/2/25	Imam Muda Hasan	Sunnah Terhadap Anak Yatim	Tanyalah Ustaz TV3 dan TV9
18/2/25	Dr. Fadzilah Kamsah	Telinga Mendengar, Hati Merasa	Assalamualaikum Dhuha TV Al-Hijrah
22/2/25	Dr. Fatimah Syarha	Erti Memberi Sebenar	Assalamualaikum Subuh TV Al-Hijrah
23/2/25	Imam Muda Hasan	Amanah Harta Yatim	Tanyalah Ustaz TV3 dan TV9
25/2/25	Dr. Fadzilah Kamsah	Jadi Muslim Yang Kuat	Assalamualaikum Dhuha TV Al-Hijrah
2/3/25	Dr. Fatimah Syarha	Rutin dan Hati	Assalamualaikum TV Al-Hijrah
4/3/25	PU Hafiz Haneefa	Puasa, Simpati dan Empati	Assalamualaikum TV Al-Hijrah
7/3/25	Dr. Fatimah Syarha	Hikmah Solat Sunat	Assalamualaikum Subuh TV Al-Hijrah
8/3/25	Imam Muda Hasan	Rahmat Allah Dalam Zikir	Assalamualaikum Subuh TV Al-Hijrah
9/3/25	Dr. Fadzilah Kamsah	Ramadan: Detoksifikasi Hati	Assalamualaikum TV Al-Hijrah
13/3/25	Dr. Fatimah Syarha	Self-Healing Dengan Ibadah	Assalamualaikum Sahur TV Al-Hijrah
17/3/25	Dr. Fadzilah Kamsah	Hidup Berkongsi,Rahmat Dirasai	Assalamualaikum Asar TV Al-Hijrah
20/3/25	Imam Muda Hasan	Keutamaan 10 Malam Terakhir	Assalamualaikum Asar TV Al-Hijrah
22/3/25	Imam Muda Hasan	Zikir Beroleh Rahmat	Assalamualaikum Subuh TV Al-Hijrah
23/3/25	Dr. Fadzilah Kamsah	Baiki Kualiti Ibadah	Assalamualaikum Asar TV Al-Hijrah
25/3/25	Dr. Fatimah Syarha	Kembali, Jangan Nanti	Assalamualaikum Sahur TV Al-Hijrah
28/3/25	PU Hafiz Haneefa	Ihsan Di Akhir Ramadan	Assalamualaikum Subuh TV Al-Hijrah
29/3/25	Imam Muda Hasan	Ramadan Yang Rugi	Assalamualaikum Subuh TV Al-Hijrah

3.0 LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT

3.2 AKTIVITI DAKWAH YIDE



EKSEKUTIF DAKWAH PEMASARAN YIDE DAN SAHABAT DAKWAH YIDE

USTAZ ZABIDI AZHAR | USTAZ FADHIL YAHYA



Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) mengambil inisiatif untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai peranan YIDE dalam menjaga hal ehwal kebajikan anak yatim di negeri Selangor. Melalui saluran ini, YIDE bekerjasama bersama dengan masjid-masjid dan surau-sarau seluruh Selangor untuk menyampaikan kuliah atau tazkirah mengenai anak yatim. Turut menjayakan inisiatif ini adalah Eksekutif Dakwah YIDE, Ustaz Zabidi Azhar dan Sahabat Dakwah YIDE Ustaz Fadhil Yahya. Usaha ini bukan sahaja menyampaikan pengisian ilmu yang bermanfaat, malah memperkenalkan peranan YIDE dalam memperjuangkan kebajikan anak yatim serta golongan memerlukan di Selangor, terutama dalam usaha membangunkan Kompleks Anak Yatim YIDE di Pulau Indah.

Sot kuliah dan tazkirah yang telah dijalankan sepanjang Januari hingga Mac 2025 adalah:

PENYAMPAI	LOKASI	SLOT	TAJUK	TARIKH
Ustaz Zabidi Azhar	Masjid Kampung Johan Setia	Tazkirah Jumaat	Jalan-Jalan Kebajikan, Menyantuni Anak Yatim.	3/1/25
	Masjid Darul Ibadah	Tazkirah Jumaat		10/1/25
	Masjid Al-Islah	Kuliah Maghrib		11/1/25
	Masjid Taman Putra Perdana	Kuliah Maghrib		17/1/25
	Surau Al-Hidayah	Kuliah Maghrib		22/1/25
	Masjid Bandar Baru	Tazkirah Jumaat		24/1/25
	Masjid Al-Amin	Kuliah Subuh		28/1/25
	Masjid Jamiul Ehsan	Tazkirah Jumaat		31/1/25
	Masjid Bukit Indah	Kuliah Maghrib		31/1/25
	Masjid Al-Shariff	Kuliah Maghrib		3/2/25
	Surau Al-Furqan	Kuliah Maghrib		6/2/25
	Masjid Ridhwani	Tazkirah Jumaat		7/2/25
	Masjid Al-Ehsan	Kuliah Maghrib		13/2/25
	Masjid Alam Impian	Tazkirah Jumaat		14/2/25
	Masjid Damansara Perdana	Kuliah Maghrib		14/2/25

PENYAMPAI	LOKASI	SLOT	TAJUK	TARIKH
Ustaz Zabidi Azhar	Masjid Al-Falah	Kuliah Maghrib	Jalan-Jalan Kebaikan, Menyantuni Anak Yatim.	17/2/25
	Masjid At-Taqwa	Tazkirah Jumaat		21/2/25
	Surau Al-Hijrah	Kuliah Maghrib		22/2/25
	Surau As-Sobirin,	Kuliah Maghrib		24/2/25
	Masjid Al-Husna	Tazkirah Jumaat		28/2/25
	Masjid An-Nur	Kuliah Maghrib		28/2/25
	Surau al-Jannah	Kuliah Maghrib	Maqasid Ramadan: Prihatin Anak Yatim.	6/3/25
	Masjid Tun Abdul Aziz	Tazkirah Jumaat		7/3/25
	Masjid An Nur, Glenmarie	Tazkirah Zohor		10/3/25
	Masjid Bandar Saujana Putra	Kuliah Maghrib		12/3/25
	Masjid Jumhuriyah	Tazkirah Jumaat		14/3/25
	Masjid Al-Hidayah	Kuliah Subuh		18/3/25
	Surau Luqman Al-Hakim	Tazkirah Tarawih		19/3/25
	Surau Al-Hidayah	Tazkirah Tarawih		20/3/25
	Masjid Al-Falah, Taman Tun Teja	Tazkirah Jumaat		21/3/25
	Masjid Al-Ehsan	Tazkirah Tarawih		26/3/25
	Masjid Nurul Hidayah	Tazkirah Zohor		27/3/25
	Masjid Jamek Jama'iyah Morib	Tazkirah Jumaat		28/3/25

PENYAMPAI	LOKASI	SLOT	TAJUK	TARIKH
Ustaz Fadhil Yahya	Masjid Kampung Raja Uda	Tazkirah Jumaat	Jalan-Jalan Kebaikan, Menyantuni Anak Yatim.	28/2/25
	Masjid Al-Mustaqim	Tazkirah Jumaat	Maqasid Ramadan: Prihatin Anak Yatim.	7/3/25
	Masjid Sirajuddin Al-Anuar	Tazkirah Jumaat		21/3/25

3.0 LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT

3.3 KASIH TUANKU, SINAR BUAT ANAK YATIM

JUNJUNGAN KASIH TUANKU: DYMM SULTAN SELANGOR BERKENAN SAMPAIKAN SUMBANGAN KEPADA YIDE DEMI KEBAJIKAN ANAK YATIM



23 Mac 2025 – Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj telah berkenan menyampaikan sumbangan kepada Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) melalui YBhg. Tan Sri Mazlan bin Mansor, Pengerusi YIDE di Istana Alam Shah, Klang.

Sumbangan penuh makna daripada Tuanku ini mencerminkan keprihatinan tinggi baginda demi kelangsungan kebajikan anak-anak yatim di Negeri Selangor, khususnya dalam memastikan kesejahteraan hidup, peluang pendidikan yang berterusan serta pembangunan sahsiah mereka terjamin.

YIDE merafak setinggi-tinggi junjungan kasih atas keprihatinan Tuanku yang sentiasa mengutamakan masa depan anak-anak yatim agar mereka membesar sebagai insan berilmu, berakhlak mulia dan mampu menyumbang kepada agama, bangsa dan negara.

3.0 LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT

3.4 LAWATAN KERJA KE TURKI

YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN (YIDE) MENGADAKAN KUNJUNG HORMAT KE OPTIMA TECHNIC, TURKI

16 Januari 2025 - Delegasi Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) mengadakan kunjung hormat ke Syarikat Optima Technic di Turki bagi meneroka kerjasama pembangunan Pusat Dialisis MAIS dibawah kelolaan YIDE. Optima Technic adalah sebuah syarikat yang mempunyai kepakaran dalam menyediakan kemudahan perubatan secara bergerak iaitu “Mobile Hospital Solution”.

Dengan kemudahan dan teknologi sedia ada, ia pasti akan memberikan kemudahan dan keselesaan yang optimum kepada para pesakit yang memerlukan rawatan dengan lebih kondusif terutama pesakit-pesakit yang tinggal di kawasan yang pendalaman yang sukar mendapat rawatan di bandar dan juga di kawasan yang ditimpa bencana alam bagi memudahcara mereka untuk mendapat capaian rawatan.



LAWATAN KERJA DAN KOLABORASI YIDE KE INSTITUSI KEMANUSIAAN HAYRAT YARDIM, TURKIYE



17 Januari 2025, Istanbul - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah mengadakan lawatan kerja seterusnya ke institusi kemanusiaan Hayrat Yardim bagi menjalin kerjasama dua hala dalam usaha membantu pembangunan kebajikan anak-anak yatim dan penerima manfaat lain, termasuk pesakit yang mendapatkan rawatan dialisis di pusat-pusat dialisis di bawah seliaan YIDE di Selangor.

Selain itu, YIDE turut berkongsi inisiatif-inisiatif yang akan datang seperti projek pembangunan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah, 'Mobile Dialysis Center' dan 'Mobile Clinic' bagi memudahkan akses kepada penerima manfaat di kawasan luar bandar.

Majlis lawatan kerja ini turut menyaksikan upacara menandatangani 'Collaboration Statement' yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak, YIDE yang diwakili oleh En. Nur Mohd Razali bin Abdullah dan Hayrat Yardim yang diwakili oleh En. Yusuf, Timbalan Presiden Hayrat Yardim. Ini sebagai tanda kesefahaman dalam melaksanakan pelan kebajikan bersama.

LAWATAN KERJA YIDE KE MARIFET OGRENCI YURTLAN, UMRANIYE



Pada 18 Januari 2025, YIDE telah mengadakan kunjungan hormat dan lawatan kerja ke Madrasah Marifet Ogrenci Yurtlan, Umraniye, Istanbul, Turkiye.

Tujuan utama lawatan ini adalah untuk mendapatkan perkongsian maklumat mengenai model pembangunan akhlak, sahsiah, dan pendidikan anak-anak asnaf/yatim di Turkiye.

Pihak Marifet Ogrenci Yurtlan juga membuka ruang kerjasama dengan YIDE dalam pelaksanaan program-program pembangunan tersebut, sekaligus mewujudkan peluang untuk kerjasama antara kedua-dua pihak dalam usaha memajukan akhlak, sahsiah, pendidikan dan kesejahteraan anak-anak asnaf/yatim.

Delegasi YIDE juga berpeluang melawat dan menyaksikan fasiliti-fasiliti yang terdapat di Madrasah Marifet Ogrenci Yurtlan sebagai penanda arasan untuk Kompleks Asrama Anak Yatim di Pulau Indah.

3.0 LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT

3.5 JALINAN STRATEGIK & AKTIVITI UMUM

KUNJUNGAN HORMAT YIDE KE ATAS Y.D.H. DATO' MOHAMAD YAACOB, DATO' PENGGAWA PERMATANG PADUKA MAHA BIJAYA KUALA SELANGOR, ORANG BESAR DAERAH KUALA SELANGOR



YIDE yang diketuai oleh YBr. En. Nur Mohd Razali bin Abdullah telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Y.D.H. Dato' Mohamad Yaacob bin Dato' Ismail, Dato' Penggawa Permatang Paduka Maha Bijaya Kuala Selangor, Orang Besar Daerah Kuala Selangor.

Kunjungan ini bertujuan untuk memperkukuhkan jalinan kerjasama serta berbincang mengenai inisiatif kebajikan yang dapat dilaksanakan bersama demi manfaat masyarakat setempat, khususnya anak-anak yatim di daerah Kuala Selangor.'

Dalam pertemuan ini, YIDE turut memaklumkan mengenai penganjuran Majlis Sumbangan Hari Raya Aidilfitri Anak Yatim Negeri Selangor bersama D.Y.T.M. Raja Muda Selangor, yang akan diadakan di daerah Kuala Selangor pada bulan Ramadan 1446H.

YIDE ANJURKAN LAWATAN TAPAK KOMPLEKS ASRAMA ANAK YATIM PULAU INDAH

13 Februari 2025 | Pulau Indah - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah mengadakan lawatan tapak ke Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah bagi meninjau perkembangan projek pembinaan yang sedang berlangsung.

Lawatan ini turut disertai oleh YBhg. Dr. Haji Ahmad Shahir bin Makhtar, Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), YBr. Puan Nurhani Salwa binti Jamaluddin, Timbalan Setiausaha (Operasi) MAIS, YBr. En. Zaharudin bin Salim, Pengarah Strategik Korporat MAIS. serta barisan kepimpinan eksekutif dan pengurusan daripada subsidiari di bawah naungan MAIS, antaranya YBr. En. Mohd Sabirin bin Mohd Sarbini, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Zakat Selangor, YBr. En. Mohd Nuri bin Abdul Aziz, Pengurus Besar Kumpulan Bakti Suci Sdn Bhd, YBr. En. Hasnul Redza Bin Abd Rahim, Pengurus Besar Terus Ekonomi Asnaf (TERAS), dan YBr. En. Zulhizzam bin Hamzah, Pendaftar, Universiti Islam Selangor.



KUNJUNGAN HORMAT YIDE KE PEJABAT JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)

13 Mac, Shah Alam - Pihak Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah mengadakan kunjung hormat kepada Bahagian Pengurusan Masjid di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

Kunjung hormat ini diadakan bertujuan untuk membincangkan peluang-peluang dalam memberi kesedaran akan perihal anak yatim terutamanya melalui medan dakwah di masjid dan surau di bawah negeri Selangor.

DeLegasi ini diketui oleh En. Mohd Akmal Hafsham Ghazali, Pengurus Bahagian Korporat YIDE dan disambut oleh En. Azlan dan Ust. Salihin



3.0 LAPORAN BAHAGIAN KORPORAT

3.6 TAKLIMAT KUPON INFAQ YATIM YIDE

PROGRAM TAKLIMAT KUPON INFAQ YATIM YIDE 2025 BERSAMA KETUA PENOLONG AMIL FITRAH



Yayasan Islam Darul Ehsan telah mengadakan Program Taklimat Kupon Infaq Yatim Tahun 2025 dan sesi temu mesra bersama Ketua-ketua Penolong Amil Fitrah di enam daerah terpilih, bagi kebersamaan untuk menggerakkan Infaq untuk manfaat anak-anak yatim di bawah seliaan YIDE secara tunai melalui Buku Kupon Infaq atau Kupon Infaq Digital. Taklimat telah diketuai oleh Encik Akmal Hafsyam, Pengurus Bahagian Korporat dan Ustaz Zabidi Azhar, Eksekutif Pemasaran Dakwah

Senarai Daerah dan Masjid yang terlibat adalah seperti berikut:

1. Daerah Klang yang bertempat di Masjid Bandar Bukit Raja.
2. Daerah Hulu Selangor yang bertempat di Masjid As Salam, Bukit Sentosa.
3. Daerah Kuala Langat yang bertempat di Masjid As Solihin
4. Daerah Hulu Langat yang bertempat di Masjid Pekan Kajang.
5. Daerah Sepang yang bertempat di Masjid Jamek Sultan Hishamuddin.
6. Daerah Gombak yang bertempat di Masjid Jamek Al Amaniah.
7. Daerah Sabak Bernam yang bertempat di Masjid As Saidiah.
8. Daerah Kuala Selangor yang bertempat di Masjid Jamek Sultan Ibrahim.
9. Daerah Petaling yang bertempat di Masjid Baitul Amin.
10. Daerah Petaling yang bertempat di Masjid Lapangan Terbang Subang.



4.0

LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS

4.1 Pengenalan

4.2 Cawangan Dialisis MAIS

4.3 Statistik Pesakit Dialisis

4.4 Lawatan Pakar Nefrologi
& Doktor Perubatan

4.5 Aktiviti Umum



4.0 LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS

4.1 PENGENALAN



Pada tahun 2013, Yayasan Islam Darul Ehsan telah mula mengorak langkah dengan mengambilalih dan mengurus selia enam (6) buah Pusat Dialisis MAIS yang sebelum ini di bawah pengurusan MAIS Dialisis Sdn Bhd. Asas penubuhan Pusat Dialisis MAIS adalah untuk menyediakan perkhidmatan rawatan dialisis yang berkualiti kepada pesakit buah pinggang.

Dialisis adalah proses perubatan iaitu penyingkiran toksin-toksin dan sisa buangan daripada badan dan membantu mengekalkan keseimbangan bendalir dengan menapis darah melalui membran, yang mimik fungsi buah pinggang sihat. Ia pada amnya pilihan rawatan yang paling lazim untuk kegagalan buah pinggang peringkat akhir.

Terdapat dua jenis dialisis yang utama: Hemodialisis (HD) dan Dialisis Peritoneal (PD).

Hemodialisis adalah proses, darah dialirkan melalui dializer (pendialisis), yang selalu dirujuk sebagai buah pinggang buatan, dan dikembalikan ke badan dalam suatu proses yang berterusan. Proses ini biasanya mengambil masa sekitar 3-5 jam dan boleh dilakukan di pusat dialisis. Kebiasaannya ia dilakukan sekurang-kurangnya 3 kali seminggu.

4.0 LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS

4.2 CAWANGAN DIALISIS MAIS

PUSAT DIALISIS MAIS
SHAH ALAM



57 Orang
Pesakit Dialisis
12 Mesin
Hemodialisis

Doktor Pakar Nefrologi
Dr. Lim Li Han

Orang Yang Bertanggungjawab
Dr. Hijrasyaro Bt Mohd Salleh

PUSAT DIALISIS MAIS
KAPAR



50 Orang
Pesakit Dialisis
8 Mesin
Hemodialisis
1 Mesin
Hemodialisis (Hepatitis C)

Doktor Pakar Nefrologi
Dr. Norazinizah Bt Ahmad Miswan

Orang Yang Bertanggungjawab
Dr. Nor Hayati Bt Md Aris

PUSAT DIALISIS MAIS
SUNGAI BESAR



40 Orang
Pesakit Dialisis
9 Mesin
Hemodialisis

Doktor Pakar Nefrologi
Dr. Suryati Bt Yaakob

Orang Yang Bertanggungjawab
Dr. Nor Hayati Bt Md Aris

PUSAT DIALISIS MAIS
KUALA SELANGOR



42 Orang
Pesakit Dialisis
8 Mesin
Hemodialisis

Doktor Pakar Nefrologi
Dr. Norazinizah Bt Ahmad Miswan

Orang Yang Bertanggungjawab
Dr. Nor Hayati Bt Md Aris

PUSAT DIALISIS MAIS
TAMAN MELAWATI



39 Orang
Pesakit Dialisis
6 Mesin
Hemodialisis

Doktor Pakar Nefrologi
Dr. Suryati Bt Yaakob

Orang Yang Bertanggungjawab
Dr. Hanafiah Bin Bashirun

PUSAT DIALISIS MAIS
BUKIT JELUTONG



29 Orang
Pesakit Dialisis
6 Mesin
Hemodialisis

Doktor Pakar Nefrologi
Dr. Lim Li Han

Orang Yang Bertanggungjawab
Dr. Hijrasyaro Bt Mohd Salleh

Kemaskini sehingga 31 Mac 2025

4.0 LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS

4.3 STATISTIK PESAKIT DIALISIS



JUMLAH PESAKIT

257

PESAKIT TAJAAN LZS

139

LAIN-LAIN TAJAAN

118

KEMASUKAN PESAKIT BAHARU MENGIKUT CAWANGAN BAGI TAHUN 2025		
CAWANGAN SHAH ALAM 4 Orang	CAWANGAN KAPAR 1 Orang	CAWANGAN SUNGAI BESAR 4 Orang
CAWANGAN KUALA SELANGOR 3 Orang	CAWANGAN TAMAN MELAWATI 1 Orang	CAWANGAN BUKIT JELUTONG 1 Orang

STATISTIK PESAKIT MENGIKUT JANTINA			
CAWANGAN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
SHAH ALAM	31	26	57
KAPAR	26	24	50
SUNGAI BESAR	17	23	40
KUALA SELANGOR	17	25	42
TAMAN MELAWATI	22	17	39
BUKIT JELUTONG	13	16	29
			<u>257</u>

Kemaskini sehingga 31 Mac 2025

4.0 LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS

4.4 LAWATAN PAKAR NEFROLOGI DAN DOKTOR PERUBATAN

CAWANGAN SHAH ALAM			CAWANGAN KAPAR			CAWANGAN SUNGAI BESAR		
BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN	BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN	BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN
JAN	12/1/25	30/1/25	JAN		6 & 7/1/25	JAN	31 & 31 /1/25	8 & 9/1/25
FEB		26/2/25	FEB		4 & 5/2/25	FEB		1 & 3/2/25
MAC		22/3/25	MAC	8/3/25	10 & 11/3/25	MAC		5 & 6/3/25
APRIL			APRIL			APRIL		
MEI			MEI			MEI		
JUN			JUN			JUN		
JULAI			JULAI			JULAI		
OGOS			OGOS			OGOS		
SEPT			SEPT			SEPT		
OKT			OKT			OKT		
NOV			NOV			NOV		
DIS			DIS			DIS		

CAWANGAN KUALA SELANGOR			CAWANGAN TAMAN MELAWATI			CAWANGAN BUKIT JELUTONG		
BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN	BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN	BULAN	PAKAR NEFROLOGI	DOKTOR PERUBATAN
JAN		1 & 2 /1/25	JAN	29/1/25	13/1/25	JAN	28 & 29/1/25	17/1/25
FEB	22/2/25	6 & 7/2/25	FEB		6/2/25	FEB		22/2/25
MAC		1 & 3/3/25	MAC		7/3/25	MAC		29/3/25
APRIL			APRIL			APRIL		
MEI			MEI			MEI		
JUN			JUN			JUN		
JULAI			JULAI			JULAI		
OGOS			OGOS			OGOS		
SEPT			SEPT			SEPT		
OKT			OKT			OKT		
NOV			NOV			NOV		
DIS			DIS			DIS		

Kemaskini sehingga 31 Mac 2025

4.0 LAPORAN BAHAGIAN DIALISIS

4.5 AKTIVITI UMUM



PUSAT DIALISIS MAIS CAWANGAN SUNGAI BESAR AGIHKAN 250 BUBUR LAMBUK

20 Mac - Alhamdulillah, satu inisiatif kebajikan telah berjaya dilaksanakan oleh kakitangan Pusat Dialisis MAIS Cawangan Sungai Besar. Program gotong-royong ini melibatkan semua kakitangan dalam penyediaan hidangan berjumlah kira-kira 250 bungkus bubur, menggunakan 7 kilogram beras.



Agihan makanan telah disalurkan kepada pesakit dialisis, penduduk sekitar, pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS), pusat dialisis lain, pelanggan dobi berhampiran, serta penjaga murid-murid PASTI yang berdekatan.

Semoga inisiatif ini dapat memberikan manfaat serta mengeratkan hubungan silaturahim antara komuniti. Pihak kami merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini.

PUSAT DIALISIS MAIS CAWANGAN SHAH ALAM, SANTUNI ANAK YATIM DI TAMAN ALAM BUDIMAN.

20 Mac, Shah Alam - Wakil daripada Pusat Dialisis MAIS Cawangan Shah Alam telah mengadakan kunjungan ke kediaman sebuah keluarga di Taman Alam Budiman. Penjaga keluarga tersebut merupakan seorang suri rumah yang membesarkan empat orang anaknya yang masih bersekolah, iaitu Nur Khasif Hanan (15 tahun), Muhammad Sayyid Uwais (12 tahun), Muhammad Sayyid Thaahaa (10 tahun), dan Nur Hanna Yusra (8 tahun).

Sebagai tanda keprihatinan sempena bulan Ramadan yang mulia, YIDE telah menyampaikan sumbangan berupa keperluan asas serta saguhati bagi membantu meringankan beban keluarga ini. Inisiatif ini dapat direalisasikan hasil daripada sumbangan orang ramai, membolehkan YIDE terus menyantuni golongan yang memerlukan dan memberi sokongan dalam persiapan menjalani ibadah puasa sehingga menjelang Aidilfitri.



EKSPLORASI MASJID x ZIARAH MAHABBAH, ANJURAN KEEDSFLIX SUNWAY KAYANGAN

28 Mac, Shah Alam - Program “Eksplorasi Masjid x Ziarah Mahabbah” anjuran KEEDSFLIX Sunway Kayangan sempena bulan Ramadan telah berjaya memberi pendedahan bermakna kepada para pelajar KSPK & DRCC. Lawatan ke Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong membolehkan pelajar memahami ajaran Islam melalui aktiviti ibadah dan ilmu, di samping memupuk rasa cinta kepada masjid serta mempraktikkan adab-adab sewajarnya ketika berada di rumah Allah.

Selain itu, kunjungan ke Pusat Dialisis Zakat YIDE telah memberi pendedahan tentang kepentingan penjagaan kesihatan, mengenali peranan pusat dialisis dalam kebajikan pesakit, serta mempelajari adab ketika menziarahi orang sakit. Program ini bukan sahaja memperkaya ilmu dan pengalaman pelajar, malah turut membentuk nilai-nilai murni dalam diri mereka. Ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak MTAJ dan YIDE atas kerjasama yang amat dihargai.

5.0

LAPORAN BAHAGIAN AUDIT DALAMAN & RISIKO

5.1 Program Awareness BADRI

Bersama BNM, IIM dan AKPK

5.2 YIDE Perkukuh Integriti

Bersama SPRM Selangor



5.0 LAPORAN BAHAGIAN AUDIT DALAMAN & RISIKO

5.1 PROGRAM AWARENESS BADRI KEPATUHAN DAN INTEGRITI YIDE BERSAMA AGENSI BANK NEGARA MALAYSIA, INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA DAN AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK) (BIL.01/2025)



YIDE menerusi Bahagian Audit Dalam, Risiko Dan Integriti (BADRI) telah menganjurkan Program Awareness Badri Kepatuhan Dan Integriti YIDE Bersama Agensi BNM, IIM dan AKPK (BIL.01/2025) pada 19 Februari 2025 (Rabu) bertempat di Bilik Seminar Mawaddah, Tingkat 2, Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

Pelaksanaan program Awareness ini merupakan komitmen dan usaha daripada YIDE bagi memantapkan kepatuhan, integriti dan tadbir urus yang baik kepada Kakitangan YIDE termasuk kakitangan Pusat Dialisis MAIS (PDM).

Bahagian Audit Dalam, Risiko Dan Integriti (BADRI), YIDE bergerak secara proaktif dengan turut melibatkan wakil daripada Sektor Audit Dalam Dan Integriti, Majlis Agama Islam Selangor dan wakil daripada Bahagian Audit Dalam dan Integriti bagi Anak Syarikat/ Agensi MAIS; Bakti Suci Holdings Sdn Bhd, Lembaga Zakat Selangor, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) MAIS, TERAS Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd dan UIS - Universiti Islam Selangor.

5.2 YIDE PERKUKUH INTEGRITI DAN TADBIR URUS BERSAMA SPRM NEGERI SELANGOR



Bahagian Audit Dalam dan Integriti YIDE (BADRI) telah mengadakan Sesi Awareness Kepatuhan dan Integriti Ahli Lembaga Pemegang Amanah (ALPA) YIDE Bersama SPRM Negeri Selangor dalam Mesyuarat ALPA Bil.01/2025 pada 12 Mac 2025. Awareness ringkas ini memberikan pencerahan berkaitan tentang Liabiliti Korporat (Seksyen 17(A)), Konflik Kepentingan, dan peranan CeO kepada organisasi yang telah disampaikan oleh YBr. PPj Tuan Azuan Bin Adzhar ; Ketua Cawangan Penyiasatan Tatakelola SPRM Negeri Selangor.

Mesyuarat ALPA YIDE telah dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Mazlan Bin Mansor merangkap Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor.

Ini merupakan inisiatif BADRI dalam usaha memantapkan Integriti dan Tadbir Urus YIDE yang merupakan agensi dibawah Majlis Agama Islam Selangor.

6.0

AKTIVITI UMUM

6.1 Taklimat Skim Perlindungan
& Faedah PERKESO

6.2 Riadah Boling KKY



6.0 AKTIVITI UMUM

6.1 YIDE ANJUR TAKLIMAT SKIM PERLINDUNGAN DAN FAEDAH PERKESO



12 Februari 2025, Shah Alam - YIDE telah mengadakan satu sesi taklimat untuk memberi pemahaman yang lebih mendalam mengenai manfaat yang disediakan melalui skim perlindungan dan faedah oleh PERKESO. Taklimat ini bertujuan untuk membantu kakitangan YIDE memanfaatkan sepenuhnya segala faedah yang ditawarkan.

Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Pn Eleza Binti Wahid dari PERKESO Selangor.

Majlis turut dihadiri oleh YBr. En Nur Mohd Razali bin Abdullah, Pengurus Besar YIDE yang dengan sukacitanya menyampaikan momento penghargaan kepada Pn Eleza atas perkongsian ilmu yang berharga ini.

6.2 RIADAH BOLING KKY 2025



26 Januari 2025, Subang Jaya -Kelab Kebajikan Kakitangan YIDE (KKY) telah menganjurkan RIADAH BOLING KKY 2025 sebagai tanda penghargaan kepada setiap kakitangan atas dedikasi dan khidmat mereka dalam usaha-usaha kebajikan untuk penerima manfaat.

Acara ini bertujuan untuk merapatkan lagi ukhuwah di kalangan kakitangan serta menyuntik semangat kerja berpasukan demi memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi terutamanya dalam menyantuni golongan sasaran penerima manfaat YIDE.

Program ini melibatkan penyertaan semua kakitangan di ibu pejabat dan cawangan-cawangan pusat dialisis di bawah seliaan YIDE

7.0 AKAUN SUMBANGAN YIDE

**Sumbangan anda boleh disalurkan ke akaun:
YAYASAN ISLAM DARUL EHSAN**



1223 4010 0073 30

BANK ISLAM



5621 0686 6637



2626 2500 0114 39

RHB Islamic



1005 0540 0000 4293



Setiap sumbangan anda layak menerima Pengecualian Cukai Pendapatan & Potongan di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967

**Untuk maklumat lanjut hubungi :
03 - 3345 990 (Ibu Pejabat)**

(Talian Hotline)

017 - 756 9478

Encik Akmal

012-774 9452

Encik Zabidi

017-756 9451

Encik Haziq



YAYASAN ISLAM
D A R U L E H S A N

NO 3, Jalan Keluli Am7/Am, Seksyen 7,
40000 Shah Alam, Selangor

•Tel : 03-3345 9900 •Email :info@yide.com.my
•Website : www.yide.com.my